

25 OCT 2003

Warga Tua

KERAJAAN HARGAI PENGALAMAN DAN PEMIKIRAN WARGA TUA

KANGAR, 25 Okt (Bernama) -- Golongan warga tua tidak seharusnya merasa tersisih kerana pengalaman dan pemikiran mereka sentiasa dihargai kerajaan, kata Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim hari in.

Beliau berkata mereka juga sentiasa diberi peluang untuk aktif dalam pelbagai kegiatan bagi memenuhi usia emas mereka.

"Yang penting mereka perlu menjaga kesihatan kerana pengalaman dan pemikiran mereka adalah penting," katanya pada perasmian sambutan hari warga tua peringkat negeri di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri Perlis Datuk Dr Md Isa Sabu.

Shahidan berharap golongan warga tua di negeri ini sentiasa memanfaatkan pengalaman dan pemikiran mereka untuk kepentingan generasi muda.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Warga Kanan Perlis Abdul Malek Abdul Ghani ketika berucap berkata sebagai warga tua mereka sentiasa melihat perkembangan yang sedang berlaku di dalam negara dan bersedia mengeluarkan pandangan.

Mengenai kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bakal bersara daripada jawatan Perdana Menteri akhir bulan ini, beliau menyifatkan pemimpin itu sebagai istimewa.

Katanya, warga tua di negara ini tidak pernah merasa terpinggir di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AD RHM